

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
KAWASAN : HULU LANGAT

SOALAN :

YB DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan "Standard Operating Procedure" (SOP) yang diikuti oleh pihak pengurusan lebuhraya di dalam menangani kes kemalangan di lebuhraya. Secara purata, berapa lamakah waktu yang diperlukan untuk memastikan aliran trafik kembali normal.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap isu kesesakan di lebuh raya khususnya yang disebabkan oleh insiden seperti kemalangan, kerosakan kenderaan, kecemasan dan lain-lain. Pihak Syarikat Konsesi lebuh raya mempunyai SOP di dalam menangani kemalangan yang berlaku di lebuh raya dan ianya adalah berdasarkan Emergency Respons Plan (ERP). Selain itu, Syarikat Konsesi Lebuh raya juga mempunyai Garis Panduan dan Petunjuk Prestasi Perkhidmatan Ronda dan Prosidur Tetap Operasi Pengendalian Objek Terjatuh Dari Kenderaan Di Lebuh raya di dalam menangani perkara berkaitan kemalangan yang berlaku di lebuh raya. Secara amnya tempoh maklum balas (*response time*) bagi pihak peronda untuk sampai ke lokasi atau tempat kejadian setelah menerima maklumat adalah 15 minit sebagaimana di dalam garis panduan. Agensi kecemasan seperti pihak polis, ambulans serta bomba juga akan dihubungi oleh pihak konsesi lebuh raya bergantung kepada tahap kecemasan sesuatu insiden yang terbabit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masa yang diambil untuk lebuh raya kembali normal selepas kemalangan adalah bergantung kepada jumlah trafik semasa dan tahap keseriusan kemalangan. Sekiranya hanya melibatkan kecederaan ringan dan tahap kerosakan kenderaan yang minima, masa untuk aliran trafik kembali normal kebiasaanya cepat iaitu kebiasaanya kurang dari 20 minit. Namun demikian, sekiranya melibatkan kecederaan parah, kemalangan maut atau kemalangan yang melibatkan kenderaan berat, masa yang diambil adalah agak lama sehingga lebih dari dua atau tiga jam. Ini juga bergantung kepada kehadiran Pegawai Penyiasat daripada PDRM sekiranya kemalangan yang melibatkan maut.

Selain itu, kesedaran kepada pengguna akan diberikan dari semasa ke semasa bagi memaklumkan mengenai kepentingan lorong kecemasan serta supaya kenderaan tidak diletakkan di lorong berkenaan agar bantuan segera dapat diberikan sekiranya terdapat kejadian kemalangan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.